

SMPEM kurangkan kebakaran tanah gambut

Putrajaya: Kerajaan melaksanakan projek Pengurusan Mampan Ekosistem Tanah Gambut di Malaysia (SMPEM) untuk mengurus tanah gambut di negara ini bagi mengelakkan kejadian degradasi dan kebakaran.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata SMPEM bertujuan mengurus tanah gambut secara mampan dan bersepadu untuk memulihara sumber, sekaligus menjana faedah kepada generasi pada masa kini dan hadapan.

“Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) sedang mengambil beberapa inisiatif untuk mengelakkan berlakunya kebakaran tanah gambut dengan kerjasama agensi berkaitan.

“Ini kerana Malaysia dijangka mengalami keadaan cuaca kering berikutan

berlakunya fenomena El-Nino pada tahun ini dan risikonya ialah kemungkinan berlaku peningkatan kebakaran tanah gambut di seluruh negara yang boleh menyebabkan jerebu dan pelepasan karbon dioksida ke atmosfera,” katanya menerusi kenyataan semalam.



Nik Nazmi Nik Ahmad

Nik Nazmi berkata, antara hasil awal yang dapat diperolehi daripada aktiviti projek SMPEM dan projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) ialah ia berupaya me-

ngawal dan mengurangkan insiden kebakaran hutan paya gambut di Semenanjung.

Katanya, ia dapat dilihat dengan pengurangan insiden kebakaran hutan paya gambut di Semenanjung pada tahun lalu yang hanya membabitkan keluasan sebanyak 25.2 hektar berbanding 385.2 hektar

pada tahun 2020.

“Begitu juga bagi negeri Selangor dan Pahang, yang mana keluasan kebakaran hutan paya gambut pada tahun 2020 masing-masing adalah 160 hektar dan 171.7 hektar dan berkurangan kepada 6.9 hektar dan 2.1 hektar sahaja pada tahun lalu,” katanya.

Beliau berkata, projek terbabit bermula pada Disember 2020 dan membabitkan lima landskap tanah gambut di Sabah, Sarawak, Pahang dan Selangor.

“Antara aktiviti utama projek ini ialah mengemaskini Pelan Tindakan Tanah Gambut Kebangsaan (NAPP). Dokumen ini bertujuan memandu pelaksanaan pengurusan tanah gambut secara mampan, mencegah kemerosotan dan kebakaran hutan serta menghasilkan manfaat untuk generasi akan datang.

“Aktiviti pencegahan kebakaran tanah gambut dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat juga dijalankan di bawah projek SMPEM,” katanya.